

WELCOME

TO

MYSTERY ISLAND

VANUATU

# MISTERI MYSTERY ISLAND

Teks dan foto: Muhammad Haji Salleh (Sasterawan Negara)

Kapal belayar malam. Cuaca tenang. Bulan masih belum 10 hari. Ada bintang merobek tirai malam yang tebal. Di bawahnya laut berbisik perlahan. Sewaktu bangun pada pukul 4.30 pagi, saya tersedar bahawa kami sudah sampai di Mystery Island, yang berbayang panjang dan agak leper di hadapan kapal.

Apabila kami mendekati, yang diperhatikan bahawa pulau utama ini bertandakan sebuah bangunan yang berupa seperti

gereja di atas tebing batu kapur yang bergerigi. Tingginya melebihi 100 meter. Laut pagi leper, hari mula panas dan langit mengandung janji awan dan hujan yang mengelak negeri ini lebih daripada 10 hari. Kini, penumpang pun masuk ke perahu perantara. Kami berpakaian baju dan skirt berwarna-warni yang dibeli di Noumea dan Vanautu. Jarang orang Australia atau Eropah berani memakai pakaian segarang ini. Tetapi mereka sedang





Pemandu pelancong menunjukkan jalan kepada pelancong asing.

bercuti, dan terlepas daripada ikatan dan peraturan kebiasaan harian.

Saya sendiri suka pakaian tempatan Polinesia. Walau bagaimanapun, reka bentuk dan warna Vanuatu agak terlalu garang untuk watak saya yang sedikit kurang menonjol. Batik yang menjadi pilihan saya pun lebih teratur bunganya dan kurang garang, walaupun yang saya cari ialah yang cantik dan canggih. Sebab itulah saya selalu jatuh hati dengan reka bentuk baju Hawaii yang diterbalikkan reka bentuk kainnya untuk kesan yang lebih sederhana tetapi masih cantik. Maka itu, satu pakaian pun belum saya beli dari sini. Harapnya ada di Lifou nanti, yang lebih dekat dengan estetika batik.

Dari perahu kami terus diangkut ke sebuah kampung jaraknya setengah jam dari pantai. Kami berjalan melalui tanah yang tidak begitu subur dan agak gersang di musim kemarau ini. Pasirnya tidak menghijaukan daun atau pohon. Dari pengalaman penglihatan kami, pulau itu tidak begitu ramai penduduknya dan tidak mungkin menyara begitu ramai. Hanya sekitar 10 ribu orang, oleh sebab itu kelihatan beberapa rumah sahaja di dalam perjalanan kami ke kampung Natalo ini. Oleh sebab sumber pekerjaan agak terbatas, ramai juga penduduk pulau ini berhijrah ke Vanuatu atau Noumea untuk mencari rezeki di sana.

\*\*\*

Van membawa kami ke kampung Natalo, di Lifou. Ada sebuah gereja yang cukup besar – ini daerah Katolik. Di sini juga tinggalnya Penghulu Utama. Apabila seseorang penghulu meninggal dunia atau turun daripada jawatannya, dia akan mengadakan mesyuarat. Pada kebiasaannya, anaknya akan mewarisi jawatan ini.

Kami terus ke bangunan utama di mana penghulu dan penduduk kampung berkumpul dan bermesyuarah. Bangunan ini

Saya sendiri suka pakaian tempatan Polinesia. Walau bagaimanapun, reka bentuk dan warna Vanuatu agak terlalu garang untuk watak saya yang sedikit kurang menonjol. Batik yang menjadi pilihan saya pun lebih teratur bunganya dan kurang garang, walaupun yang saya cari ialah yang cantik dan canggih.

cukup besar, seluruhnya diperbuat daripada kayu dan nipah. Ada sebatang tiang seri dari kayu mahogani yang menopang seluruh bangunan bulat itu. Di tengah-tengahnya semacam perapian. Di sebahagiannya, tempat duduk Penghulu Utama, dan bahagian lain untuk orang biasa atau penghulu lainnya.

Pintu keluar-masuknya hanya satu, dan bangunan ini tiada bertingkap pula. Jadi agak kelam. Pintunya rendah dan setiap orang yang masuk perlu tunduk, seperti menghormati penghulu mereka. Ruang ini dianggap sebagai rumah suci dan mulia. Di sinilah diadakan debat dan perbincangan tentang hal ehwal masyarakat mereka. Terlihat ada semacam unsur demokratik di sini.



Persisiran pantai Mystery Island.





Rumah mesyuarat penduduk kampung Natalo.

Ruang dalam rumah mesyuarat agak gelap kerana dibina tanpa tingkap. Hanya pintu hadapan sahaja digunakan untuk keluar atau masuk. Cukup menarik, walaupun tidak jelas konsep



Keseluruhan rumah diperbuat daripada kayu dan nipah.


hak penduduknya atau demokrasi, tetapi suasananya seperti dalam sebuah parlimen. Wakil-wakil kampung atau golongan tertentu ada tempatnya di sini dan diminta pula pendapat wakil mereka. Maka itu, tindak-tanduk Penghulu Utama juga dapat dibincang dan dinilai bersama-sama.

Oleh hal yang demikian, terdapat juga hak dan perwakilan penduduk di pulau ini, dan ada kemungkinan suara mereka didengar dan permohonan mereka diterima atau ditolak. Wakil mereka juga orang kanan kampung dan biasanya sudah berumur dan berpengalaman.

### Mencari Kanibal

Kami tidak lama di sana, tetapi sempat juga dibawa ke kampung budaya Melanesia, iaitu masyarakat yang pernah menjadikan kanibalisme sebagai budayanya. Sekitar 100 tahun yang lalu, masyarakat ini masih memenggal kepala musuh mereka atau memasukkan mereka ke dalam kualii besar dan merebusnya.

Bagi kita, budaya ini sangat kejam, tentu. Namun begitu,



Demonstrasi merebus musuh.

walaupun tidak merebus musuh kita dalam kualii, kita membunuh musuh juga dengan kejamnya. Apakah orang Vanuatu ini lebih kejam daripada orang Jepun di Asia Tenggara, Jerman di Eropah dalam Peperangan Dunia Kedua, Israel di Palestin dan Amerika serta Rusia yang mengebom kampung-kampung di Syria dan Yaman? Mungkin orang Vanuatu ini hanya dapat menangkap tiga orang, sementara askar Amerika membunuh





Demonstrasi menghidupkan api.

300 orang dalam satu serangan sahaja. Masyarakat Mystery Island ini tidak menangkap dan memenggal kepala anak-anak dan orang perempuan, tetapi alat pemusnah – iaitu bom moden – membunuh semuanya, dan memusnahkan kampung dan kota serta persekitarannya tanpa pengecualian.

Oleh yang demikian, jikalau kita memandang rendah budaya Vanuatu ini, kita juga harus membandingkan mereka dengan budaya teknologi moden yang membunuh secara menyeluruh. Dan kita di Malaysia tidak seharusnya lupa bahawa tidak lama dahulu, masih ada kanibal di Sarawak dengan budaya dan sebab-sebabnya yang tersendiri.

### Acara Merebus Musuh

Setelah kami berkumpul dan duduk di bangsal penonton, salah seorang peserta kami – orang putih – dipilih dan dibawa ke ruang tengah di hadapan. Dia diminta berlakon sebagai musuh suku ini, maka harus ditangkap dan direbus. Tetapi sebelum dia cukup empuk, ada beberapa penari dengan hiasan dan pakaian yang lengkap menari di sekeliling kualiti itu. Api pun dihidupkan.

Pelakonnya masih dapat senyum sewaktu dimasak! Dan perwira mereka pun akan menari di sekeliling kualiti itu sementara menunggu daging masak!

Saya bertanya dalam diri sendiri; apakah daging manusia sama sedap seperti kijang, monyet dan rusa? Menurut kebiasaan suku-suku di negara yang lain, bahagian yang dimakannya ialah jantung musuh, bersandarkan kepercayaan agar kekuatannya dapat berpindah kepada diri pemakan itu. Dan saya bertanya lagi; apakah daging orang putih lebih sedap daripada daging orang pulau?

Setelah seorang daripada ahli kumpulan kami direbus, kami seterusnya diperkenalkan kepada sistem fiskal masyarakat ini. Seperti masyarakat lainnya, mereka juga memerlukan wang untuk membeli atau bertukar barangan. Hanya wang mereka agak berlainan dengan wang yang kita kenal, iaitu emas, jongsong timah, kulit siput dan garâm. Di Vanuatu, barangan tempatan digunakan, seperti tikar, kalung daripada siput, taring babi, dan sebagainya. Saya fikir, jikalau wang kita tidak mencukupi, kita boleh meminjam wang ini daripada teman atau keluarga, dan membayarnya kembali apabila mata wang ini sudah dikumpul.


Saya bertanya dalam diri sendiri; apakah daging manusia sama sedap seperti kijang, monyet dan rusa? Menurut kebiasaan suku-suku di negara yang lain, bahagian yang dimakannya ialah jantung musuh, bersandarkan kepercayaan agar kekuatannya dapat berpindah kepada diri pemakan itu.

Wang sangat penting kerana inilah yang digunakan untuk mas kahwin, belanja kenduri dan juga membayar dam pelanggaran adat. Dan setiap masyarakat membangunkan alatan dan caranya yang tersendiri.

### Menghidupkan Api

Setelah itu, kami juga diperkenalkan kepada cara menghidupkan api secara purba, pada waktu belum terdapat mancis, pemetik api atau suis elektrik. Walaupun kelihatan agak rumit, namun bagi sesiapa yang biasa dan tidak bergantung kepada cara-cara terbaru, caranya agak mudah. Yang pertamanya, sebatang kayu kering daripada spesies yang terpilih diletakkan di tanah. Setelah itu, dicungkil sebahagian daripadanya, dan pada bahagian inilah digosokkan dengan kayu lain sehingga berasap. Apabila sudah berasap, maka ditambah pulur dan rumput yang dapat menyemarakkannya. Maka itu, hiduplah api untuk memasak atau merebus makanan, termasuklah musuh mereka.

Kita juga sedar bahawa setiap masyarakat harus berkomunikasi. Selain cara lisan, terdapat juga cara lain, iaitu seseorang itu melukis di tanah untuk meninggalkan maklumat dan pesan untuk orang yang akan datang atau kembali,



Budaya kanibalisme di kampung budaya Melanesia pada zaman dahulu.





Jenis wang tradisional yang digunakan oleh penduduk di sini.

sementara pelukisnya tiada di tempat. Orang yang datang atau pulang itu akan membaca rajahnya. Lukisan ini lebih dekat kepada rajah. Di dalamnya dimasukkan maklumat tentang orang yang pergi itu, arahnya, waktu dia berangkat dan pulang. Yang menariknya, lukisan ini bukan berbentuk aksara, tetapi dengan memuatkan maklumat yang perlu dan difahami bersama, tanpa aksara dari luar.

Semua bangsa dan suku ada caranya tersendiri. Tiada suatu cara yang lebih baik – yang baik itu dapat menjalankan tugasnya sebagai pembawa maklumat dan pesan.

\*\*\*

Setelah itu, kami berkeliling dalam taman herba suku ini. Berbagai-bagai herba untuk dijadikan ulam, sayur dan ubat-ubatan ditunjuk. Kami turut dipelawa untuk mencubanya.



Melukis di tanah untuk menyampaikan pesan.

Tumbuhan di sini lebih dekat dengan tumbuhan di tepi pantai kita di Malaysia. Selain pohon-pohon besar seperti mangga terdapat juga jeruju, pudak dan malah, bogak. Semua ini ada tempat dan gunanya dalam masyarakat ini. Pengetahuan mereka tentang herba-herba ini (yang beribu tahun itu) telah membantu mereka hidup dengan lebih sejahtera, tapi sederhana.

\*\*\*

Setelah itu, kami juga diperkenalkan kepada cara menghidupkan api secara purba, pada waktu belum terdapat mancis, pemetik api atau suis elektrik. Walaupun kelihatan agak rumit, namun bagi sesiapa yang biasa dan tidak bergantung kepada cara-cara terbaru, caranya agak mudah.





Pasar Pelancong di Anatom.

Waktu untuk pulang ke kapal sudah tiba. Maka itu, kami pun segera dibawa untuk menghabiskan wang moden kami di warung-warung pakaian, kalung dan kraf penduduk tempatan. Asli dan tidak diimport.

Di depan pasar terbentang laut yang indah, dan saya lebih banyak duduk di pantai daripada berkeliling di warung jualan. Pada usia ini, saya sudah memasuki ribuan kedai dan warung. Laut dan langit lebih membahagiakan. Lagipun, pelawat yang pencen kurang pitisnya, dan baju mahal mungkin kelihatan murahan pada bahu yang semucup. Kasihan juga penjualnya kerana ada pelancong tua yang berfikiran seperti saya!

Setelah itu, kami pun bergerak ke bagan dan terus ke masuk ke perahu perantara yang membawa kami ke kapal. Tidak lama

setelah itu, enjin kapal pun berdentum hidup. Selamat tinggal Vanuatu. Kami akan belayar dua hari dua malam untuk pulang ke Sydney.

\*\*\*

Ini pengalaman Melanesia saya yang pertama walaupun saya sudah sampai di pelbagai pulau Polinesia. Kenangan kehidupan semasa di kampung dan melawat saudara di Pulau Pinang pada tahun-tahun 1950-an menderu kembali. Banyak sekali persamaan yang saya temui antara budaya Vanuatu dengan Melayu. Hanya cara dan gaya milik kita hilang dengan cepat dilanda "kemodenan" dan kita pun terjerumus masuk ke dalam rongga zaman dan dunia yang sangat berbeza. 🌊

Pulau ini bertandakan sebuah bangunan seperti gereja di atas tebing batu kapur.